

Rozman terima kunjungan hormat pengarah UMSKAL

NST 28-6-13 6

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Rozman Datuk Isli menerima kunjungan hormat Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali di kediamannya di Jalan Tanjung Bendera, baru-baru ini.

Turut menyerta rombongan UMSKAL itu ialah Dekan Sekolah sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil, Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Suffian Osman dan Penolong Akauntan Kanan, Ruby Zawati Timbang.

Dr Ismail berkata kunjungan hormat itu diadakan untuk menyampaikan salam dan ucap-ucapan tahniah Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah atas kemenangan Rozman pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 pada Mei lalu.

Dalam perbincangan itu, Dr Ismail berkata UMS mengalui-alukan perancangan untuk menubuhkan pengajian minyak dan gas di Labuan.

Katanya, UMS sedia membantu Labuan sebagai hab industri minyak dan gas namun penubuhan program tersebut perlu mengikut-saluran tertentu.

Beliau berkata UMSKAL juga komited untuk membangunkan semula era kegemilangan bola sepak di Labuan dengan mengadakan klinik tunas bakti untuk kanak-kanak

dan remaja di bawah 18 tahun bermula tahun ini.

Selain itu, beliau menjelaskan UMSKAL akan mengadakan carnival kebudayaan dan kesenian masyarakat untuk memartabatkan semula warisan kesenian suku kaum tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Saya juga memaklumkan kepada Ahli Parlimen Labuan mengenai perkembangan terkini kampus dan program-program pengajian di UMSKAL, pembangunan infrastruktur dan perkembangan pelajar," katanya.

Dr Ismail berkata UMSKAL sentiasa member kerjasama penuh dalam program-program anjuran jabatan dan agensi kerajaan serta aktiviti kemasyarakatan.

"UMSKAL akan melaksanakan program memasyarakatkan kanun universiti melalui aktiviti pelajar dan staf dengan masyarakat dan agensi di Labuan," katanya.

Sementara itu, Rozman bersedia menjalin hubungan dengan UMSKAL sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah gedung ilmu yang tunggal di Labuan yang turut menaikkan semangat kepada generasi muda untuk melanjutkan pelajaran kemenra gading.

Beliau juga berharap UMSKAL akan terus menyumbang kepakaran yang dimiliki pensyarah, kakitangan dan pelajar untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan se-



KUNJUNGAN.... Rozman (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Dr Ismail pada kunjungan hormat di kediaman Ahli Parlimen Labuan di Jalan Tanjung Bendera Labuan.

bagai hab pendidikan yang unggul di rantau ini.

Katanya, kehadiran pelajar dan kakitangan UMSKAL dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta luar Negara turut membantu

menjana ekonomi tempatan termasuk industri pelancongan, restoran, pengangkutan dan perhotelan serta perniagaan kecil-kecilan. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@new-sabahtimes.com.my)